

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Pakai pelitup muka dalam bangunan jadi pilihan

Penggunaan wajib bagi kes positif COVID-19, dalam pengangkutan awam dan di fasiliti kesihatan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
dan Maham Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) memutuskan pemakaian pelitup muka di dalam bangunan dan kawasan tertutup dijadikan pilihan individu berkuat kuasa serta-merta.

Pemakaian pelitup muka bagaimanapun masih diwajibkan bagi kes positif COVID-19, dalam pengangkutan awam dan di fasiliti kesihatan seperti hospital, klinik, rumah penjagaan dan pusat hemodialisis.

Pengumuman terbaru itu dibuat selepas empat bulan kerajaan mengumumkan pemakaian pelitup muka di luar bangunan dan kawasan terbuka tidak lagi diwajibkan selepas negara memasuki fasa peralihan ke endemik.

Mengumumkan perkara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata keputusan dibuat berdasarkan penilaian situasi semasa COVID-19 serta mengambil kira keperluan semasa.

"Ketetapan baharu itu bagaimanapun terpuang kepada pemilik premis sama ada mahu menentukan pengunjung perlu memakainya atau sebaliknya.

"Selain itu, orang ramai amat digalakkan memakai pelitup muka kerana ia terbukti mampu mengurangkan penularan jangkitan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Persidangan Persatuan Perubatan Biosimilar dan Generik Antarabangsa (IGBA) - Persatuan Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPI), di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Mengulas lanjut, Khairy ber-

kata, KKM juga amat menggalakkan agar pemakaian pelitup muka terus diamalkan, terutama apabila berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti pasar malam, stadium, gedung membeli belah dan rumah ibadah.

"Pemakaian pelitup muka juga digalakkan kepada individu bergejala seperti demam, batuk dan selesema, individu berisiko tinggi seperti warga tua, orang dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah dan ibu mengandung serta ketika melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak," katanya.

Tanggungjawab lebih besar

Beliau berkata, keperluan pemakaian pelitup muka di luar bangunan dan kawasan terbuka adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini iaitu tidak diwajibkan.

"Dengan kelonggaran ini juga, orang ramai perlu memikul tanggungjawab individu yang lebih besar melindungi bukan sahaja

diri sendiri, tetapi seluruh komuniti.

"KKM percaya orang ramai akan terus mengamalkan kawalan sendiri yang terbaik, termasuk memastikan kebersihan diri bagi mengelak daripada dijangkiti penyakit berjangkit termasuk COVID-19 seperti yang diamalkan pada masa ini," katanya.

Pemakaian pelitup muka diwajibkan bermula 1 Ogos 2020 susulan penularan pandemik COVID-19 ketika negara masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menerusi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1989 (Akta 342), mana-mana individu yang melanggar kesalahan berkenaan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

Khairy berkata, apabila negara

memasuki fasa peralihan ke endemik sejak 1 April lalu, KKM terus memastikan penularan kes COVID-19 dikawal dengan selamat dan berkesan menerusi pelaksanaan pelbagai aktiviti pencegahan dan kawalan kesihatan awam, termasuk program vaksinasi COVID-19 serta pengurusan kes melalui pemberian paxlovid, ubat antiviral bagi mengurangkan gejala COVID-19.

Katanya, aktiviti pencegahan dan kawalan kesihatan awam yang berterusan serta kesedaran orang ramai mengenai kepentingan mengamalkan langkah pencegahan kepada penurunan kes COVID-19 serta menstabilkan sistem perkhidmatan kesihatan dengan kadar kemasukan kes COVID-19 ke hospital dan wad rawatan rapi (ICU) yang rendah.

Malah, sepanjang fasa peralihan ke endemik, semua sektor ekonomi dan aktiviti sosial di-

benarkan, manakala pintu masuk sempadan juga dibuka.

"Walaupun banyak prosedur operasi standard (SOP) dilonggarkan sepanjang tempoh ini, pemahaman orang ramai untuk sentiasa menitikberatkan penjagaan kesihatan sendiri membolehkan proses peralihan ini berjalan dengan lancar.

"Hasilnya, negara mencatatkan pertumbuhan kukuh Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada suku kedua tahun ini sebanyak 8.9 peratus," katanya.

Peralihan ke fasa endemik bergantung mutasi virus

Ditanya mengenai bila jangkaan negara boleh beralih ke fasa endemik sepenuhnya, Khairy berkata, perkara itu berdasarkan mutasi virus COVID-19.

"Kita melihat bahawa selepas beberapa bulan atau tahun virus itu akan tenggelam dengan sendiri, tetapi dalam kes COVID-19 kita tak tahu ke arah mana mutasinya membawa virus itu.

"Ada kemungkinan mutasinya membawa virus itu ke arah lebih bahaya kepada manusia, manakala penyakit lebih serius ataupun ada senario di mana mutasi ini berubah kepada virus yang tidak memberi ancaman kepada manusia," katanya.

Justeru, beliau berkata, bila jangkaan ia akan beralih kepada mutasi bergantung tahap mutasi virus berkenaan.

"Jika varian baharu ini tidak menyebabkan penyakit COVID-19 yang serius, bolehlah kita pertimbangkan untuk masuk sepenuhnya ke fasa endemik, namun KKM masih berpendapat kita berhati-hati," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, KKM sedang melihat kepada pembelajaran yang digunakan khusus untuk varian baharu.

"Kita akan buat keputusan berdasarkan trend epidemiologi dan melihat kepada mereka yang berisiko tinggi.

"Namun, kita belum buat keputusan, sama ada akan menawarkan vaksin itu kepada semua atau kepada mereka yang berisiko tinggi sahaja," katanya.



Khairy (tengah) merasmikan Persidangan Persatuan Perubatan Biosimilar dan Generik Antarabangsa yang turut dihadiri Dr Noor Hisham (kiri) di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Arzuiddin Saad/BH)

PROTOKOL BAHARU PEMAKAIAN PELITUP MUKA

Pemakaian pelitup muka masih **DIWAJIBKAN** bagi situasi berikut:

- i) Kes positif COVID-19.
- ii) Menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, kereta api, teksi termasuk perkhidmatan e-hailing, kapal terbang serta bas, van pekerja dan van sekolah.
- iii) Semasa berada di fasiliti kesihatan seperti hospital, klinik, rumah penjagaan, pusat hemodialisis dan yang setara dengannya.

KKM menggalakkan pemakaian pelitup muka di luar bangunan terus diamalkan sekiranya:

- i) Berada di kawasan ramai orang dan sesak.
- ii) Individu bergejala seperti demam, batuk dan selesema.
- iii) Individu berisiko tinggi.
- iv) Melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak.



KKM juga **AMAT MENGALAKKAN** agar pemakaian pelitup muka terus diamalkan, terutama apabila:

- i) Berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti pasar malam, stadium, gedung membeli belah dan rumah ibadah.
- ii) Individu bergejala seperti demam, batuk dan selesema.
- iii) Individu berisiko tinggi seperti warga tua, orang dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah dan ibu mengandung.
- iv) Melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak. Keperluan pemakaian pelitup muka di luar bangunan (outdoor) dan kawasan terbuka adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini iaitu tidak diwajibkan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

'Rasa lebih selamat terus amal pakai pelitup muka'

Orang ramai mahu terus jaga SOP elak risiko jangkitan penyakit

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebanyakan orang ramai masih mahu memakai pelitup muka walaupun Kementerian Kesihatan (KKM) membuat penetapan tidak mewajibkan pemakaiannya.

Kakitangan swasta, Nurhidayu Mat Noh, 33, berkata dia tetap mahu memakai pelitup muka selepas ini kerana menggunakan pengangkutan awam ke tempat kerja di ibu kota setiap hari yang mendedahkannya dengan risiko dijangkiti COVID-19 susulan berada di kawasan tertutup.

"Sehingga kini saya masih bimbang jika terlupe memakai pelitup muka, malah sentiasa meletakkan pelitup muka tambahan dalam beg sebagai persediaan.

"Walaupun kerajaan tidak lagi mewajibkan pemakaian pelitup muka, saya masih memilih memakainya kerana mengelak risiko jangkitan, tambahan pula



Kebanyakan orang ramai masih memilih untuk mengenakan pelitup muka terutama di kawasan tertutup ketika tinjauan di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

tahun ini saya terkena jangkitan COVID-19 dan Influenza, selain untuk mengelak jangkitan penyakit lain," katanya.

Bagi pesara, Agilan S Ayapan, 56, sejak memakai pelitup muka selama dua tahun, dia sudah terbiasa dengan keadaan itu dan selesa meneruskannya selepas ini.

"Selain dapat mengelak penyakit, dengan pemakaian pelitup muka juga dapat menghindari masalah pencemaran alam yang berleluasa ketika ini.

"Ini juga sekali gus dapat



Nurhidayu Mat Noh

mengelak penyakit lain seperti alahan dan sebagainya," katanya yang menetap di Cheras.

Elak risiko wabak

Pelajar kursus Bioteknologi di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mohd Zikrulhafiz Aizuddin, 20, pula berkata dia juga masih memilih memakai

pelitup muka bagi mengelak risiko penularan penyakit terutama COVID-19 yang masih wujud ketika ini.

"Sebagai peniaga minuman secara sambilan, saya berasakan pelitup muka masih penting ke-

rana kita tidak tahu siapa yang berpenyakit yang datang berjumpa kita setiap hari.

"Jadi dengan memakai pelitup muka, ia dapat mengurangkan penularan penyakit terutama COVID-19," katanya.

Bermula 1 Mei lalu, KKM mengumumkan kelonggaran pemakaian pelitup muka apabila ia tidak lagi diwajibkan di luar bangunan dan kawasan terbuka, namun pelitup muka masih wajib dipakai apabila berada di dalam bangunan dan pengangkutan awam termasuk e-hailing.

Penguatkuasaan pemakaian pelitup muka adalah berdasarkan peruntukan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

KKM teliti cadangan tawar vaksin influenza percuma

Petaling Jaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memperhalusi cadangan untuk menawarkan vaksin influenza secara percuma kepada kumpulan berisiko tinggi termasuk warga emas seperti dilakukan negara lain.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata cadangan itu mampu dilakukan berikutan populasi warga emas tidak ramai iaitu kira-kira 3.5 juta atau tujuh peratus ketika ini.

"Kita akan membawa cadangan ini ke mesyuarat (KKM). Ini kerana pada 2030, warga emas dijangka bertambah 14.3 peratus iaitu seramai 5.2 juta orang.

"Realiti demografi ini mempunyai implikasi serius kerana penuaan sering dikaitkan dengan permulaan dan perkembangan penyakit kronik seperti diabetes dan penyakit jantung.

"Pertambahan jumlah warga emas, akan menyebabkan penyakit kronik meningkat. Jika gaya hidup tidak sihat berterusan, dianggarkan orang ramai akan menghabiskan 9.5 tahun jangka hayat mereka dalam keadaan kesihatan buruk," katanya selepas melancarkan kempen 'Mencegah Influenza pada Usia Menjangkau 65 Tahun' anjuran Immunise4Life (IFL) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Program IFL, Prof Datuk Dr Zulkifli Ismail dan Presiden Persatuan Penyakit Berjangkit dan Kemoterapi Malaysia (MSIDC), Prof Dr Zambari Sekawi.

tingkat kesihatan rakyat

Dr Azmi berkata, KKM juga meletakkan agenda negara menuai sebagai antara satu fokus dalam Kertas Putih Kesihatan.

"Malaysia sedang menuju populasi penuaan pada 2030 dan penting kita mewujudkan lebih ramai pakar geriatrik dan fasiliti khusus untuk golongan warga emas dan kita akan membentangkannya supaya mendapat tumpuan lebih dalam Kertas Putih (Kesihatan).

"Malah, kita sebenarnya sudah buat persediaan ke arah itu dengan pelaksanaan program saringan kesihatan untuk golongan 40 tahun ke atas di klinik kesihatan," katanya.

Sementara itu, Dr Zulkifli berkata, sistem imun badan akan menjadi lemah seiring peningkatan usia.

"Jadi, sistem imun akan menjadi lemah dan fungsi paru-paru kita juga akan merosot. Keadaan ini meningkatkan kecenderungan untuk mengalami penderitaan atau kematian daripada kesan-kesannya," katanya.

Syor beri dos kanak-kanak, bayi berisiko

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesyorkan bayi dan kanak-kanak berusia enam bulan hingga lima tahun dengan komorbiditi atau imun yang lemah akan ditawarkan pemberian vaksin COVID-19.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata Kementerian sudah memulakan proses perolehan vaksin COVID-19 dengan formulasi khusus untuk kumpulan terbahit.

Beliau berkata, perkara itu antara disyorkan oleh Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) pada 3 Ogos lalu, yang membincangkan syor terkini berkaitan pemberian vaksin COVID-19 membabitkan pemberian dos primer, dos penggalak dan dos penggalak kedua.

"Turut disyorkan adalah pemberian dos penggalak pertama kepada kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun dengan komorbiditi atau imun lemah bagi

meningkatkan keberkesanan vaksin terhadap penyakit teruk yang disebabkan oleh varian Omicron.

"Kumpulan kanak-kanak itu berisiko mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk. Pemberian dos penggalak boleh diberikan dalam tempoh enam sehingga sembilan bulan selepas penerimaan dos vaksin terakhir," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan IGBA-MOPI 2022 di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Selain itu, Khairy berkata, Kementerian juga mengesyorkan wanita hamil atau ibu yang menyusukan bayi mendapatkan dos penggalak kedua Messenger Asid Ribonukleik atau mRNA.

Katanya, ia berikutan wanita mengandung dikategorikan se-

bagai golongan rentan kerana berisiko tinggi mendapat penyakit teruk akibat jangkitan COVID-19.

Golongan berisiko tinggi

Khairy berkata, wanita yang mengandung berisiko tinggi mendapat penyakit teruk akibat jangkitan COVID-19 ditawarkan pemberian dos penggalak kedua.

Tambahnya, jangkitan COVID-19 boleh meningkatkan risiko mendapat komplikasi yang boleh menjejaskan kehamilan dan perkembangan bayi.

"Data sedia ada menunjukkan bahawa vaksin mRNA berkesan mengurangkan risiko untuk mendapat jangkitan teruk semasa kehamilan. Antibodi yang dihasilkan wanita mengandung mengambil vaksin turut dikesan pada bayi dan boleh membantu melindungi bayi daripada jangkitan.

"Data keselamatan vaksin se-

bagai golongan rentan kerana berisiko tinggi mendapat penyakit teruk akibat jangkitan COVID-19.

dia ada juga tidak menunjukkan sebarang peningkatan risiko keguguran, komplikasi kehamilan dan kecacatan kelahiran atau sebarang kebarangkalian ke atas aspek keselamatan bagi wanita mengandung yang menerima vaksin mRNA," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, wanita mengandung dan menyusukan bayi boleh menerima vaksin dos penggalak, manakala bagi mereka berisiko mendapat penyakit teruk akibat COVID-19 juga boleh menerima dos penggalak kedua pada bila-bila masa sepanjang tempoh kehamilan.

Beliau berkata, buat masa ini hanya vaksin Pfizer yang diluluskan untuk pemberian dos penggalak kedua kepada individu berusia 50 tahun, individu berusia 12 tahun ke atas dengan imun lemah, individu berisiko berusia 18 tahun ke atas, wanita mengandung dan petugas kesihatan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : RENCANA

Kekal disiplin patuh SOP COVID-19 walaupun diberi kelonggaran

● Keperitan hidup akibat COVID-19 diharap matangkan rakyat membuat keputusan menjaga SOP bagi elakkan diri terdedah atau menyebarkan jangkitan virus

● Kelonggaran SOP pencegahan wabak bukan bermakna kita lepas dan bebas daripada etika kemanusiaan serta penjagaan kesihatan



Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Prof Madya Dr Malina Osman
bhrencana@bh.com.my

Pandemik COVID-19 menyelubungi negara dan dunia pada awal 2020 boleh dikatakan mulai reda ketika ini hasil program vaksinasi dan penggunaan ubat antivirus yang terbukti berkesan merawatnya.

Sesuai dengan perubahan situasi semasa, beberapa negara kini melonggarkan sebahagian besar prosedur operasi standard (SOP) berkaitan pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19.

Kini, boleh dikatakan masyarakat turut tertunggu-tunggu bilakah kita akan kembali ke fasa endemik iaitu tempoh tidak

lagi terikat dengan peraturan memakai pelitup muka, perlu menjaga jarak fizikal serta berdepan sekatan pergerakan.

Sepanjang tempoh dua dan sembilan bulan ini, setiap rakyat melalui fasa getir yang tidak pernah terfikir seperti tidak dibenarkan keluar rumah atau kawasan tertentu, dilarang merentas negeri, urusan ekonomi terhad, tiada majlis keramaian dan interaks sosial, tiada solat jemah atau majlis perayaan agama dan pelbagai kesengsaraan emosi.

Penderitaan mental juga berlaku amat ketara berdasarkan peningkatan kes membunuh diri ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Namun sejak lebih lima bulan lalu, SOP pencegahan COVID-19 mula dilonggarkan seperti pemakaian pelitup muka di tempat terbuka serta ketika makan. Sempadan antarabangsa turut dibuka dan aktiviti pelancongan termasuk ibadah haji dan umrah kini boleh dilaksanakan.

Melihat kepada data semasa, dari sudut epidemiologi, tiada sebarang petunjuk yang memungkinan berlakunya potensi gelombang baharu jangkitan COVID-19.

Kebanyakan petunjuk kawalan wabak iaitu kes baharu, kes aktif, kemasukan ke hospital dan kematian akibat COVID-19 dalam pola menurun. Namun, angka dirawat dalam unit rawatan rapi (ICU) masih menunjukkan pola memerlukan pemantauan rapi.

Dos pengalagat kurang sambutan

Liputan penduduk menerima vaksin anti-COVID-19 pula mencapai 84 peratus secara keseluruhan, namun vaksinasi dalam kumpulan kanak-kanak masih agak rendah sekitar 43 peratus menerima atau mengambil vaksin.

Dos pengalagat kedua pula dilihat mendapat sambutan dingin dalam kalangan mereka yang layak. Sehingga kini, ramai masih tidak menyedari keperluan membuat temu janji sendiri melalui aplikasi MySejahtera.

Justeru, fokus pada masa ini tertumpu kepada penggunaan pelitup muka di dalam bangunan serta ruang tertutup. Kita pada masa ini masih tertakluk kepada peraturan menghendaki setiap individu mematuhi peraturan memakai pelitup muka ketika berada di dalam bangunan.

Keperluan ini mencakupi kepada semua prasarana di dalam bangunan termasuk pejabat, bangunan serta apa sahaja institusi seperti sekolah, ruang kedai dan pusat perniagaan.

Dalam tempoh pandemik ini, pelitup muka perlu dipakai untuk mengekang penularan jangkitan COVID-19 serta mengelakkan wujud kluster

baharu jangkitan.

Secara umum, pelitup muka adalah keperluan untuk semua petugas kesihatan dan perubatan apabila melakukan prosedur khas ketika rawatan atau menguruskan pesakit.

Bagi orang awam, ia perlu dipakai jika tidak sihat terutama mengalami batuk dan selsema serta kerap bersin, namun pada masa sama perlu berurusan dengan individu lain.

Pemakaian pelitup muka juga diperlukan apabila menziarahi individu mengalami masalah daya tahan tubuh lemah seperti warga emas uzur, pesakit kanser dan menghidap penyakit kronik.

Justeru, seandainya penggunaan pelitup muka di dalam premis tertutup dilonggarkan kecuali pada premis tertentu seperti fasiliti kesihatan dan pengangkutan awam, orang ramai perlu menyedari kelonggaran itu bukan bersifat *blanket rule* yang membolehkan kita mengambil sikap tidak prihatin atau melupakan terus peranan pelitup muka.

Kita perlu menyedari, ada dalam kalangan kita mengalami masalah kesihatan tertentu sehingga keadaan mereka secara perubatan tidak boleh divaksin. Angka pesakit dirawat di dalam ICU akibat

“Kita perlu menyedari, ada dalam kalangan kita mengalami masalah kesihatan tertentu sehingga keadaan mereka secara perubatan tidak boleh divaksin”

COVID juga dalam pola memerlukan pemantauan rapi.

Berdasarkan data semasa, situasi pada masa ini adalah selamat untuk melonggarkan SOP memakai pelitup muka di dalam premis bangunan untuk mereka yang sihat dan lengkap vaksin.

Namun demikian, ia perlu diterjemahkan dengan berhemah dalam amalan untuk mencegah kemungkinan apa sahaja jangkitan disamping melindungi mereka yang rentan serta tidak boleh divaksin.

Amal etika batuk, bersin

Bagi individu sihat, menerima vaksin lengkap dan tiada sebarang masalah perubatan adalah selamat untuk tidak memakai pelitup muka, namun etika ketika batuk dan bersin yang selamat masih perlu diamalkan bagi mengurangkan risiko jangkitan.

Mereka yang sihat juga perlu sentiasa membuat pemeriksaan kesihatan rutin bagi memastikan tidak mempunyai sebarang masalah komorbid disamping menjaga pemakanan mengelakkan kegemukan melampau atau obesiti.

Fokus terhadap kanak-kanak yang berkemungkinan terdedah kepada jangkitan perlu juga diberikan tumpuan. Ketika angka vaksinasi rendah dalam kumpulan umur ini, ibu bapa perlu meneruskan amalan pemakaian pelitup muka kepada anak kecil atau belum divaksin terutama di tempat sesak atau mengelak membawa mereka ke tempat terbahat.

Golongan warga emas dan mereka yang mempunyai komorbid juga perlu kekal memakainya terutama di tempat sesak dan mempunyai sistem pengudaraan tidak memuaskan.

Keperitan akibat COVID-19 yang pernah dilalui sebelum ini diharapkan memantapkan rakyat dalam membuat keputusan terbaik untuk mengelakkan diri daripada terdedah atau menyebarkan jangkitan virus.

Kelonggaran sesuatu SOP pencegahan wabak bukan bermakna kita lepas dan bebas daripada etika kemanusiaan serta tanggungjawab terhadap masyarakat, sebaliknya disiplin mematuhi SOP perlu diteruskan sepanjang masa sehingga keadaan jangkitan kembali terkawal.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : MINDA PEMBACA

Tingkat inovasi teknologi perubatan hadapi cabaran kesihatan

Artikel ini
dijana oleh
Universiti Malaysia
Pahang

Seperti kata ahli falsafah China, Sun Tzu dalam setiap keributan pasti ada peluang, justeru kita melihat pelbagai inovasi teknologi perubatan susulan wabak COVID-19 yang melanda sejak akhir 2019.

Berbanding pada awal kemunculannya yang menyaksikan dunia meraba-raba mencari jalan mengendalikan COVID-19, sinergi antara penyelidik pelbagai bidang melahirkan seribu satu inovasi.

Antaranya teknologi yang mampu mengesan tahap pesakit COVID-19 menggunakan pemroses gambar radiologi perubatan seperti sinar-X dan imbasan CT.

Selain itu, lahirnya sistem penjejak dengan menggunakan gelang pemantauan dalam membantu proses pematuhan peraturan kuarantin sebelum dunia melihat pembangunan analisis genom melalui perkongsian data global yang mempercepatkan lagi proses mengenal pasti mutasi virus, juga proses pembuatan vaksin.

Berbanding sebelum ini, proses semasa menyaksikan ia dijalankan secara automatik sehingga berupaya mengesan lebih daripada dua virus gen dalam tempoh lebih cepat.

Ujian mengenal pasti virus SARS-COV-2 juga turut berkembang maju apabila kehadiran antigen virus dalam sampel air liur boleh dikesan dalam tempoh 15 hingga 30 minit. Kecepatan tempoh bermaksud kos diperlukan juga jauh lebih rendah.

Selain itu, teknologi dron digunakan untuk membuat proses sanitasi di tempat awam, terutama kawasan bandar.

Operasi ini mula dilaksanakan sejak 2020 yang memfokuskan kawasan berisiko tinggi dan zon me-

rah wabak. Hal ini dapat mengurangkan risiko jangkitan kepada kakitangan, sekali gus menyelesaikan masalah kekurangan kakitangan bertugas.

Robot turut digunakan secara meluas dalam usaha mengesahkan wabak COVID-19. Di Denmark misalnya, kerjasama kumpulan perubatan dan jurutera dari Universiti Selatan Denmark berjaya membina robot yang membantu pengambilan sampel hidung serta tekak dengan tepat, jitu dan selamat.

Di Malaysia, Hospital Canselor Tunku Mizan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan DF Automation and Robotics Sdn Bhd berjaya menghasilkan prototaip robot yang dikenali sebagai Mak Cik Kiah 19 (MCK19) atau Key Innovation Assisting Healthcare (KIAH). Robot Mak Cik Kiah ini berperanan sebagai penghantar makanan dan ubat kepada pesakit COVID-19 tahap satu dan dua.

Tambah baik aplikasi MySejahtera

Dalam konteks pengurusan COVID-19 pula, aplikasi MySejahtera banyak membantu Kementerian Kesihatan (KKM) untuk memantau status individu.

Hari ini walaupun aliran jangkitan menunjukkan penurunan, MySejahtera sebenarnya masih platform kesihatan yang baik.

Malah, apabila fungsinya ditambah baik, aplikasi itu boleh dijadikan platform untuk pelaksanaan tempahan janji temu kesihatan, pemantauan trend kesihatan, perkhidmatan telekonsultasi, ikrar pendermaan organ dan urusan ubat-ubatan dan lain-lain.

Penambahbaikan ini pasti membantu rakyat untuk mendapat sistem kesihatan lebih baik. Ia juga

mengurangkan masa pencarian data secara manual, sekali gus fokus kepada penjagaan pesakit boleh dibuat secara menyeluruh.

Secara umum hasil inovasi seperti ini membantu KKM mengesahkan beban wabak penyakit COVID-19 dengan lebih baik. Ia juga menyumbang dalam menurunkan kadar kematian, seterusnya membolehkan rakyat dapat menjalankan kegiatan ekonomi secara normal, seperti sebelum datangnya COVID-19.

Bagaimanapun, ancaman kesihatan sama ada dari segi penyakit berjangkit atau bioterrorism akan muncul dari semasa ke semasa. Menyedari hal ini KKM kekal berusaha menjadi lebih mampan, seterusnya meningkatkan kesejahteraan kesihatan rakyat. Dalam hal ini, inovasi teknologi perubatan akan sentiasa perlu dipertingkatkan. Ia juga perlu menjadi nilai tambah dalam meningkatkan perkhidmatan kesihatan.

Justeru, budaya inovasi ini wajar digerakkan dan disokong supaya mampu menarik minat kakitangan KKM atau awam. Susulan itu penambahan jumlah peruntukan geran perlu dipertimbangkan dalam usaha untuk menggalakkan budaya penyelidikan dan inovasi. Ini membolehkan KKM memiliki peralatan terkini sejajar dengan perubahan zaman dan dasar digitalisasi negara.

Semoga dengan pembudayaan penyelidikan dan inovasi ini, setiap cabaran kesihatan pada masa hadapan dapat ditangani, seterusnya menjadikan Kementerian ini sebagai organisasi mampan dan kompetitif.

Sistem penjagaan kesihatan yang mampan dan berdaya saing dapat membantu pemacuan ekonomi negara menjadi lebih stabil dan utuh.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

Act of Love PREVENTING THE FLU AT 65 & BEYOND

On 7 Sept 2022,
Yan Berhenti Dapur
Deputi Menteri di
7 Sept 2022



DR Noor Azmi Ghazali (kiri) bersama Dr Zulkifli Ismail pada majlis pelancaran kempen mencegah influenza pada usia menjelang 65 tahun. - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

Suntikan percuma untuk warga emas

Kerajaan perhalusi cadangan untuk cegah influenza

Oleh Mahaizura Abd
Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Potaling Jaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memperhalusi pemberian suntikan vaksin influenza secara percuma kepada warga emas seperti kebanyakan negara lain.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, cadangan itu sebahagian daripada persediaan Malaysia menghadapi negara menua pada 2030.

"Cadangan untuk memberi suntikan percuma bagus untuk memudahkan warga emas berusia 65 tahun ke atas itu (mendapatkan suntikan).

"Itu penting, jika kita lihat golongan itu tidak ramai di

Malaysia, mungkin kita akan fikirkan (pertimbangan percuma). Akan dibawa ke dalam mesyuarat KKM," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kempen Mencegah Influenza pada usia Menjangkau 65 tahun anjuran Program Immunise4life (IFL) di sini, semalam.

Katanya, pihaknya juga meletakkan agenda negara menua sebagai salah satu fokus dalam Kertas Putih Kesihatan.

"Negara kita akan menuju populasi penuaan pada 2030 yang peratusannya dijangka meningkat 14.3 peratus iaitu 5.2 juta berbanding 3.5 juta atau tujuh peratus golongan 65 tahun ke atas daripada keseluruhan populasi rakyat Malaysia.

"Sebab itu pentingnya kita wujudkan lebih ramai pakar geriatrik dan fasiliti khusus untuk golongan itu

dan ini juga kita bentangkan supaya menjadi tumpuan lebih dalam Kertas Putih.

"Malah, kita sebenarnya sudah buat persediaan ke arah itu dengan pelaksanaan program saringan kesihatan untuk golongan 40 tahun ke atas di klinik kesihatan.

"Perkara itu akan diteruskan dan diperkasa seiring dengan hasrat kerajaan menerusi Agenda Malaysia Sihat," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal IFL, Profesor Datuk Dr Zulkifli Ismail berkata, suntikan vaksin influenza penting bagi mengurangkan risiko kematian dan tahap teruk kepada warga emas dan berisiko tinggi seperti komorbid.

"Penghidap diabetes adalah enam kali ganda lebih berkemungkinan dimasukkan ke hospital dan tiga kali

ganda lebih berkemungkinan untuk mengalami kematian akibat komplikasi influenza serta boleh memburukkan lagi keadaan diabetis seseorang.

"Malah, ketika melawan jangkitan influenza, tindak balas keradangan badan boleh menyebabkan pembekuan darah, kenaikan tekanan darah dan bengkak atau parut dalam jantung.

"Bagi orang dewasa yang berusia lebih 40 tahun tanpa sejarah penyakit kardiovaskular, keadaan itu boleh mencetuskan serangan jantung atau strok dalam tempoh tiga hari pertama jangkitan influenza.

"Jika individu lebih tua mempunyai penyakit arteri koronari, kegagalan jantung atau penyakit jantung lain, tahap serangan influenza boleh menjadi terlalu teruk untuk dilawan dan sukar dikawal," katanya.

Kembali lingkungan 2,000 kes Covid-19

Kuala Lumpur: Kes harian Covid-19 di negara ini kembali ke lingkungan 2,000 dengan 2,067 kes dilaporkan setakat tengah malam kelmarin.

Menerusi laman sesawang COVIDNOW, kes yang dilaporkan itu membabitkan 2,063 kes penularan tempatan dengan empat lagi adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini jumlah penularan Covid-19 di negara ini mencecah 4,795,009 kes sejak ia di kesan di negara ini.

Secara keseluruhannya, negara masih mempunyai 27,328 kes aktif dengan kebanyakannya Covid-19 dan daripada jumlah itu sebanyak 95 peratus bersamaan 25,963 kes sedang dalam kuarantin wajib di rumah.

Selain itu, terdapat 1,277 kes atau 4.7 peratus sudah mendapatkan rawatan lanjut di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) (19); unit

rawatan rapi (ICU) (29) dengan 40 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

Sehingga kini, kadar penggunaan wad ICU di paras 64 peratus, bagaimanapun yang digunakan untuk pesakit Covid-19 sahaja adalah 18.6 peratus.

Dalam pada itu, turut mencatatkan pertambahan adalah kes kematian akibat jangkitan berkenaan dengan enam kes dilaporkan kelmarin.

Ia termasuk satu kes meninggal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID).

Ia menjadikan sehingga kini jumlah angka korban di negara ini sudah mencecah 36,255 kes dengan 7,706 kes pula meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Bagi jumlah kes sembuh di negara ini, setakat kelmarin terdapat sebanyak 2,279 kes menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih daripada jangkitan berkenaan adalah 4,731,426 kes.

25,963 kes

Jumlah pesakit kes Covid-19 sedang dalam kuarantin wajib di rumah



MALAYSIA masih mempunyai 27,328 kes aktif dengan kebanyakannya Covid-19.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

KELONGGARAN GUNA PELITUP MUKA

Pilihan individu untuk pakai dalam bangunan

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
noraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pemakaian pelitup muka tidak lagi diwajibkan di dalam bangunan, berkuat kuasa serta-merta.

Namun, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, pemakaiannya masih diwajibkan bagi individu bergejala dan disahkan positif Covid-19.

"Berdasarkan penilaian situasi semasa Covid-19 serta mengambil kira keperluan semasa, pemakaian pelitup muka di dalam bangunan kini atas pilihan.

"Bagaimanapun pemilik premis boleh menentukan sama ada pengunjung wajib memakai pelitup muka atau boleh memilih untuk memakai pelitup muka," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Persidangan IGBA-MOPI 2022 di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, bagaimanapun pemakaian pelitup muka masih diwajibkan bagi kes positif Covid-19.

Selain itu, katanya, pemakaian juga diwajibkan se-

masa menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, kereta api, teksi termasuk perkhidmatan e-hailing, kapal terbang, bas, van pekerja dan van sekolah serta berada di fasiliti kesihatan.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat menggalakkan pemakaian pelitup muka terus diamalkan terutama apabila berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti pasar malam, stadium, gedung beli-belah dan rumah ibadat.

"Bagi individu bergejala seperti demam, batuk dan seselama, individu berisiko tinggi seperti warga emas, orang dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah dan ibu mengandung serta melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi," katanya.

"KKM galakkan pemakaian pelitup muka terus diamalkan kawasan ramai orang"
Khairy Jamaluddin



Bermula 1 Mei lalu, KKM mengumumkan kelonggaran pemakaian pelitup muka apabila ia tidak lagi diwajibkan di luar bangunan dan kawasan terbuka, namun pelitup muka masih wajib dipakai apabila berada di dalam bangunan dan pengangkutan awam termasuk e-hailing.

Penguatkuasaan pemakaian pelitup muka adalah berdasarkan peruntukan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Kemuka sekali lagi representasi kepada Jabatan Peguam Negara

Kuala Lumpur: Selepas gagal membatalkan tiga pertuduhan rasuah dan enam pertuduhan pengubahan wang haram di Mahkamah Rayuan, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim sekali lagi mengemukakan representasi kepada Jabatan Peguam Negara (AGC).

Timbalan Pendakwa Raya Nik Haslinie Hashim berkata, representasi terbaharu itu dihantar pada 5 September lalu, hari sama Mahkamah Rayuan menolak permohonan Ahli Parlimen Baling itu untuk membatalkan sembilan pertuduhan dihadapannya.

"Representasi itu sudah diterima oleh pendakwaan pada 5 September, namun ia masih belum dibawa ke perhatian Peguam Negara.

"Walaupun isu-isu yang dikemukakan dalam representasi itu sama seperti yang terkandung dalam representasi terdahulu, pihaknya perlu mendapatkan arahan daripada Peguam Negara berhubung representasi itu," katanya semasa sebutan kes itu di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Azura Alwi, semalam.

Peguam Amer Hamzah Arshad yang mewakili Abdul Azeez itu mengesahkan pihaknya sudah menghantar representasi bagi membatalkan sembilan pertuduhan itu susulan ia mengandungi fakta sama.

"Saya difahamkan mereka (pendakwaan) masih meng-



Saya difahamkan mereka (pendakwaan) masih mengkaji representasi itu. Oleh itu, pihak kami memohon satu tarikh sebutan ditetapkan untuk mendapatkan maklum balas berhubung perkembangan representasi terbabit"

Amer Hamzah Arshad

kaji representasi itu. Oleh itu, kami memohon satu tarikh sebutan ditetapkan untuk mendapatkan maklum balas berhubung perkembangan representasi terbabit.

"Kami bersedia sekiranya mahkamah mahu menetapkan tarikh sambung bicara jika representasi itu tidak diterima," katanya.

Mahkamah menetapkan 23 September ini untuk sebutan kes bagi mengetahui status representasi itu dan akan menetapkan tarikh perbicaraan baharu sekiranya representasi itu ditolak.

Semasa ditemui di luar mahkamah, Amer Hamzah berkata pihaknya telah mengemukakan representasi itu buat kali kelima.

Pada 5 September lalu, Abdul Azeez gagal dalam rayuannya di Mahkamah Rayuan membatalkan tiga per-

tuduhan rasuah dan enam pertuduhan pengubahan wang haram dihadapannya.

Panel tiga hakim terdiri daripada Datuk Seri Kama-ludin Md Said, Datuk Abu Bakar Jais dan Datuk Che Mohd Ruzima Ghazali menolak rayuan Abdul Azeez untuk membatalkan sembilan pertuduhan selepas memutuskan pertuduhan ditekankan terhadap beliau tidak cacat dan memerintahkan perbicaraan kes itu di Mahkamah Sesyen diteruskan.

Bagaimanapun panel itu membenarkan rayuan bekas Pengerusi Tabung Haji itu bagi membatalkan empat pertuduhan pengubahan wang haram.

Abdul Azeez, 55, didakwa atas tiga pertuduhan menerima rasuah RM5.2 juta dan enam pertuduhan pengubahan wang haram bernilai RM972,414.60 berhubung projek jalan raya di Perak serta Kedah.

Semua perbuatan itu didakwa dilakukan di lima bank di ibu negara antara 6 September 2010 hingga 10 April 2018.

Abdul Azeez dituduh mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Seksyen 28(1)(c) akta sama boleh dihapus di bawah Seksyen 24(1) akta sama memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan.

Kerosakan loji rawatan air punca gangguan di hospital

Kota Bharu: Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) memaklumkan berlaku gangguan bekalan air di Hospital Machang sejak kelmarin.

Pengarahnya, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, siasatan mendapati gangguan itu berlaku pada tangki utama hospital berkenaan berpunca daripada kerosakan loji rawatan air di Sungai Bagan Machang.

Bagaimanapun, katanya, pihak Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) sudah menghantar bekalan air ke Hospital Machang bagi mengatasi masalah gangguan berkenaan dengan mengisi simpanan air di tangki simpanan utama hospital itu.

"Kita amat prihatin terhadap isu permasalahan air yang berlaku di Hospital Machang sebagaimana yang

ditularkan dalam media sosial Facebook sejak semalam.

"Siasatan awal mendapati Hospital Machang sudah mengalami gangguan bekalan air pada tangki utama hospital berkenaan sejak Isnin yang berpunca daripada kerosakan Loji Rawatan Air di Sungai Bagan Machang.

"Susulan daripada itu, bekalan air sudah kembali pulih pada sebelah petang semalam (kelmarin) secara berperingkat dan kadar kekeruhan air juga semakin pulih," katanya menerusi kenyataan media di sini, semalam.

